

17 NOV 1997

Chirac-Malaysia

PERANCIS HARAP PERLUAS KERJASAMA PERINDUSTRIAN DENGAN MALAYSIA

LANGKAWI, 17 Nov (Bernama) -- Presiden Jacques Chirac hari ini berkata Perancis berhasrat meningkatkan kerjasama perindustrian dengan Malaysia dalam projek sivil atau ketenteraan.

"Saya memberitahu Dr Mahathir bahawa kami ingin mengukuhkan kerjasama perindustrian termasuk mengeluarkan produk sivil atau ketenteraan," kata beliau pada persidangan berita selepas berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Chirac berkata walaupun hubungan politik antara Malaysia dan Perancis baik, kerjasama kedua-dua negara dalam bidang ekonomi boleh dipertingkatkan lagi.

Terdapat 235 syarikat Perancis yang sedang beroperasi di Malaysia dan bilangan itu semakin bertambah, katanya.

Beliau berkata Perancis dan Eropah berharap untuk meningkatkan hubungan dengan Asia dan secara meluas lagi, melibatkan segi tiga Asia-Eropah-Amerika Syarikat.

Katanya Asean yang semakin padu, mampu menjadi antara kumpulan yang kuat dalam politik, ekonomi dan budaya seperti Kesatuan Eropah.

Chirac berkata beliau dan Dr Mahathir juga bersetuju agar Perancis dan Malaysia bersama Jepun mengendalikan usaha pembangunan di Afrika.

"Afrika sedang menuju kemajuan di landasan yang betul, dan jikapun ada masalah, ianya tidak patut menjejaskan perubahan yang sedang berlaku. Dan kami berpendapat, ketiga-tiga negara ini boleh menyelaras tindakan mereka agar mereka menjadi lebih cekap dan produktif," katanya.

Chirac dan Dr Mahathir juga membincangkan isu Kemboja tetapi mereka tidak mengambil sebarang pendirian berhubung penyingkiran Putera Norodom Rannaridh sebagai Perdana Menteri pertama.

"Ia urusan dalaman Kemboja tetapi kami berharap proses bagi pilihan raya yang sedang dijalankan akan mengutamakan soal keselamatan bagi menggalakkan penyertaan tokoh-tokoh politik agar mereka dapat menyumbang ke arah keamanan, kestabilan dan demokrasi di negara itu," kata Chirac.

Kedua-dua pemimpin itu juga membincangkan beberapa isu lain seperti proses perdamaian Asia Barat yang semakin merosot, penarikan keluar tentera asing dari Bosnia-Herzegovina, Bangsa-bangsa Bersatu dan persidangan mengenai alam sekitar yang akan berlangsung di Kyoto, Jepun.

Mengenai Iraq, Chirac berkata beliau telah bercakap melalui telefon selama satu jam dengan Presiden Amerika Bill Clinton mengenai isu itu semalam.

"Perancis berharap krisis itu berakhir secepat mungkin," katanya.

Baghdad menghadapi kemungkinan dikenakan tindakan ketenteraan oleh Amerika ekoran tindakannya mengusir rakyat Amerika yang menjadi anggota pasukan dari Bangsa-bangsa Bersatu untuk memeriksa senjata di Iraq.

Pegawai-pegawai Malaysia yang hadir pada pertemuan Dr Mahathir dan Chirac itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Wakil Khas Perdana Menteri Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Presiden Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Chirac pula disertai oleh Konsul Diplomatik di Pejabat Presiden, Jean-David Levitte, Setiausaha Rendah Luar bagi Asean Francois Dopfer dan Wakil Khas Presiden bagi Hubungan Perancis-Malaysia, Jean-Claude Paye. --

BERNAMA

MAM MAI